



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	12/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPNP			

Isu pekebun durian haram

BH, 12 Jul  
2021\_16



Anggota Pasukan Gerakan Am memantau Operasi Pamah yang dijalankan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang di Hutan Simpan Batu Talam, Raub, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

# Tanam pokok hutan langkah tepat ganti ladang durian

### Tindakan JPNP disokong elak fungsi hutan simpan kekal terjejas

Oleh Saiful Haizan Hasam dan Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Langkah pihak berkuasa menebang 15,000 pokok durian untuk digantikan dengan tanaman semula pokok hutan adalah kaedah tepat untuk memulihkan Hutan Simpan Batu Talam dekat Raub, kata Profesor di Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Abdul Shukor Juraimi.

Abdul Shukor berkata, jika pokok durian yang sudah mengeluarkan hasil itu dikekalkan, ia bukan sahaja tidak menepati status hutan simpan yang diwartakan, malah tersasar daripada takrifan hutan kerana memabihkan satu jenis spesies sahaja. Katanya, apa yang lebih membimbangkan kewujudan ladang itu boleh menjelaskan kawasan sekeliling kerana penyelenggaraannya pasti memabihkan penggunaan baja kimia dan racun perosak yang menyebabkan ekosistem berubah.

"Justeru, apa yang sedang dan akan diusahakan Jabatan Perhu-

tanan Negeri Pahang terhadap kawasan terbabit memang bagus, kerana ia adalah kawasan hutan simpan yang sepatutnya tidak digunakan untuk tujuan lain.

"(Jika terus dibiarkan) bina-batang liar dan serangga yang bermanfaat seperti lebah madu yang juga agen pendebungaan akan terjejas kerana pengusaha ladang menggunakan baja kimia dan racun perosak," katanya kepada BH, semalam.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nor Azirim Ahmad memaklumkan hampir semua daripada kira-kira 15,000 pokok durian Musang King yang ditanam secara haram di Hutan Simpan Batu Talam seluas lebih 101 hektar sudah ditebang.

Beliau berkata, tugas seterusnya ialah membersihkan tapak bagi kerja menanam semula yang akan dilakukan segera secara berperingkat, memabihkan lebih 20,000 anak pokok hutan.

"Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Rotan Tunggal, bertanggungjawab sepenuhnya menanam pokok yang turut dibantu kakitangan daerah lain," katanya.

Difahamkan, antara anak pokok hutan akan ditanam termasuk merawan, meranti, balau dan keruing.

Sebelum ini, ada pihak berpendapat menebang pokok durian Musang King yang berbuah itu merugikan kerana sedang mengeluarkan hasil kerana

menyifatkan lebih baik agensi kerajaan menguruskannya bagi menjana pendapatan.

Abdul Shukor berkata, walaupun pokok hutan mengambil masa untuk membesar, usaha menanam semula itu adalah lebih baik berbanding tidak berbuat apa-apa.

Katanya, penjagaan pokok itu juga adalah minimum dengan kawasan penanaman semula dibiarkan menjadi belukar dan apabila pokok sudah besar, ia akan ditinggalkan.

"Kalau untuk cepat membesar pokok jenis akasia boleh ditanam, tetapi banyak lagi pilihan lain antaranya meranti dan merbau," katanya.

Sementara itu, Abdul Shukor berkata, usaha memulihkan kawasan hutan simpan itu sangat penting memandangkan ia adalah penampungan kepada alam sekitar, selain berfungsi sebagai kawasan tadahan air.

Katanya, jika diteroka dan ditanam dengan pokok lain seperti durian, ia akan mengubah struktur tanah dan alam sekitar di kawasan terbabit.

"Walaupun saya menyokong pertanian kerana menghasilkan makanan dan boleh dieksport, pada masa sama kita tidak boleh mengabaikan kepentingan hutan simpan.

"Sebab kita ada 53 peratus tanah yang sudah diguna pakai bagi tujuan lain, maknanya ada kurang 50 peratus lagi hutan simpan, ini yang kita kena jaga," katanya.

